 - Menjadi perantara antara negara membangun dengan negara maju
21. Apakah isu penting yang menjadi perhatian Komanwel?
- Isu pencemaran
 - Dasar Apartied
 - Masalah pelarian
 - Perebutan negara

22. Tujuan utama penyertaan Malaysia dalam Sukan Komanwel ialah
- Meningkatkan semangat para atlet Malaysia
 - Membuka mata dunia keupayaan sukan Malaysia
 - Meningkatkan kemajuan sukan negara
 - Mengeratkan hubungan antara negara anggota
23. Kesan pengamalan dasar berkecuali membolehkan Malaysia
- Meningkatkan kedudukan ekonomi negara
 - Mewujudkan kerjasama dengan negara Eropah
 - Menjalinkan hubungan dengan negara China
 - Menjalin hubungan diplomatik dengan negara Arab

24. Apakah manfaat yang diterima Malaysia selepas menandatangani Perjanjian Pertahanan Lima Negara pada 15 April hingga 16 April 1971?
- Memperoleh bantuan teknikal dan latihan ketenteraan
 - Memperoleh dana untuk membangunkan negara
 - Mendapat tenaga mahir dalam perindustrian
 - Mendapat pelepasan cukai

Malaysia mendesak agar harga barangan dapat dikawal

25. Desakan Malaysia ini disuarakan melalui
- Perjanjian Lima Negara
 - Perjanjian Umum Tarif dan Perdagangan
 - Perjanjian Malaysia-Britain
 - Majlis Timah Antarabangsa

26. Tujuan utama MAPHILINDO diwujudkan ialah
- Meningkatkan hubungan Malaysia, Filipina dan Indonesia
 - Menjalin kerjasama ekonomi negara serantau
 - Menyelesaikan isu pembentukan Malaysia
 - Menggalakkan persahabatan tiga negara
27. Berikut ialah hasil kerjasama ekonomi antara negara-negara ASEAN kecuali
- Pengeluaran baja urea di Indonesia
 - Penghasilan serbuk soda di Thailand
 - Pengeluaran padi baka baru di Kedah
 - Penciptaan teknologi membajak di Kemojo
- I dan II
 - II dan III
 - I dan IV
 - III dan IV
28. Apakah manfaat yang diperoleh Malaysia apabila menganggotai Pergerakan Negara-Negara Tanpa Pihak (NAM)?
- Malaysia boleh menjalin hubungan dengan negara lain secara terbuka
 - Malaysia lebih menguasai hubungan serantau
 - Malaysia menjadi ketua dalam hubungan perdagangan negara anggota
 - Malaysia bebas menyelesaikan masalah antara negara anggota



Pergerakan Negara-Negara Tanpa Pihak (NAM)

29. Apakah isu yang diperjuangkan Malaysia semasa menjadi tuan rumah Sidang Kemuncak NAM pada tahun 2003?
- Isu pencemaran
 - Isu pelarian
 - Isu Palestin
 - Isu bencana alam
30. Malaysia dan negara anggota NAM telah berjaya menangani masalah Bosnia dan Herzegovina dengan cara
- Membebaskan negara tersebut dari Serbia
 - Menggantung keahlian Yugoslavia
 - Memerdekakan Bosnia dan Herzegovina
 - Mendapatkan bantuan daripada pertubuhan dunia

Pengisytiharan Lusaka

31. Apakah hasil pengisytiharan di atas?
- Membantu negara miskin
 - Mengadakan gencata senjata di negara bergolak
 - Memberi taraf penduduk sementara kepada pelarian
 - Mengawal penggunaan senjata nuklear
32. Bagaimanakah teretusnya idea penubuhan Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) dalam kalangan negara-negara Islam?
- Serangan ganas puak Zionis terhadap Masjid Al-Aqsa
 - Pencabulan hak orang Islam di India
 - Perebutan Kashmir antara India dan Pakistan
 - Perang Saudara di Sudan

Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj

33. Tokoh di atas pernah menjawat jawatan dalam Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) sebagai
- Pengerusi
 - Setiausaha Agung
 - Jurucakap utama
 - Penasihat



Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

34. Gambar di atas menunjukkan hasil usaha Malaysia Bersama OIC membangunkan bidang pendidikan. Apakah usaha yang ditunjukkan melalui pembinaan universiti ini?
- Menyediakan kemudahan asas dalam pendidikan peringkat tinggi
 - Memberi biasiswa kepada pelajar dari negara OIC untuk belajar di universiti ini
 - Menawarkan kursus Bahasa Arab kepada semua pelajar
 - Memberi pengiktirafan peringkat global kepada pelajar yang belajar di universiti ini

Bahagian B [Soalan Struktur]

Soalan 1

Dasar luar telah bermula sejak Zaman Kesultanan Melayu Melaka dengan menjalin hubungan dengan negara lain termasuk China, Siam, Turki dan Makassar.

- a) Nyatakan bentuk hubungan yang dijalinkan oleh Kesultanan Melayu Melaka dengan negara lain.

[2 markah]

CADANGAN JAWAPAN 1(a)

- Hubungan diplomatik
- Penghantaran utusan
- Hubungan perdagangan
- Mendatangkan keuntungan kepada Melaka

- b) Jelaskan kepentingan sesebuah negara menjalin hubungan dengan negara lain.

[4 markah]

CADANGAN JAWAPAN 1(b)

- Meningkatkan ekonomi negara
- Memperkukuh keselamatan negara
- Mengelakkan campur tangan kuasa asing
- Meningkatkan kerjasama politik, ekonomi dan sosial
- Memajukan negara
- Membolehkan pertukaran teknologi dan kepakaran
- *Mana-mana jawapan yang munasabah*

- c) Pada pendapat anda, bagaimanakah Malaysia mampu mengekalkan hubungan baik dengan negara luar sehingga kini?

[4 markah]

CADANGAN JAWAPAN 1 (c)

- Menandatangani perjanjian
- Membuat lawatan
- Tidak campur tangan dengan konflik negara lain
- Memberi bantuan sekiranya berlaku sekiranya negara lain ditimpa bencana alam
- Berkongsi teknologi dan kepakaran
- Membantu negara yang mempunyai masalah ekonom
- *Mana-mana jawapan yang munasabah*

Soalan 2

Komanwel merupakan sebuah badan yang dianggotai oleh negara bekas tanah jajahan dan naungan British yang telah merdeka.

a) Senaraikan **dua** negara yang menganggotai pertubuhan Komanwel.

(i) _____

(ii) _____

[2 markah]

b) Huraikan sumbangan Malaysia dalam pertubuhan Komanwel.

[4 markah]

c) Pada pendapat anda, sebagai pemimpin yang berwibawa bagaimanakah cara untuk menjadikan Malaysia setanding dengan negara maju?

[4 markah]

CADANGAN JAWAPAN 2(a)

- Australia
- Brunei
- Kanada
- India
- Malaysia
- New Zealand
- Sri Lanka

CADANGAN JAWAPAN 2 (b)

- Rancangan Colombo
- Menangani kemiskinan dalam kalangan negara anggota
- Mendapat khidmat nasihat berkaitan dengan pendidikan, pertanian, teknikal dan kesihatan
- Kerjasama pertahanan
- Menyediakan kemudahan kepada tentera British dan pasukan Simpanan Strategik Komanwel
- Kerjasama ekonomi
- Komoditi negara dieksport ke negara Komanwel dengan lebih mudah
- Kadar cukai lebih rendah
- Penentangan Dasar Apartied
- Mesyuarat Ketua-Ketua Negara Komanwel (CHOGM)
- Menganjurkan Sukan Komawel

CADANGAN JAWAPAN 2(c)

- Memajukan ekonomi negara
- Mengadakan hubungan diplomatik dengan negara lain
- Meningkatkan pertahanan negara
- Menjadikan Malaysia sebuah negara berteknologi tinggi
- Menjadikan negara bebas kemiskinan
- Meningkatkan taraf hidup rakyat
- *Mana-mana jawapan yang munasabah*

Soalan 3

Malaysia telah terlibat dengan misi pengaman anjuran Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di negara yang berkonflik.

a) Senaraikan negara-negara berkonflik yang terlibat dengan misi pengaman Malaysia.

[3 Markah]

CADANGAN JAWAPAN 3(a)

- Congo
- Namibia
- Somalia
- Bosnia Herzegovina
- Kemboja
- Timor Leste
- Ethiopia
- Lubnan

b) Apakah tujuan pasukan pengaman Malaysia diletakkan di negara-negara berkonflik tersebut?

[3 Markah]

CADANGAN JAWAPAN 3(b)

- Memastikan keselamatan penduduk
- Mengawasi gencatan senjata dalam perang saudara
- Mendaulatkan undang-undang negara yang terlibat

c) Pada pendapat anda, mengapakah Malaysia perlu mengukuhkan sistem pertahanan negara?

[4 Markah]

CADANGAN JAWAPAN 3(c)

- Memastikan negara aman
- Menjamin keselamatan rakyat
- Mengelakkan negara daripada diceroboh kuasa asing
- Mengelakkan peperangan
- Mengekalkan kedaulatan negara
- Mempertahankan negara daripada diserang musuh
- *Mana-mana jawapan yang munasabah*

Soalan 4

Malaysia telah memberi sumbangan dalam pelbagai bidang hasil kerjasama dengan Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC)

a) Apakah sumbangan Malaysia dalam pembangunan pendidikan hasil kerjasama dengan OIC?

[2 markah]

b) Mengapakah bidang pendidikan menjadi tumpuan pembangunan negara-negara Islam?

[4 markah]

c) Berikan cadangan anda untuk memartabatkan pendidikan aliran agama selari dengan pendidikan aliran sains pada masa akan datang.

[4 Markah]

CADANGAN JAWAPAN 4(a)

- Menubuhkan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
- Memberikan biasiswa kepada pelajar dari negara OIC untuk belajar di universiti ini.

CADANGAN JAWAPAN 4(b)

- Memajukan kehidupan masyarakat Islam
- Melahirkan golongan intelektual Islam
- Meningkatkan taraf hidup orang Islam
- Mencipta teknologi baru
- Memastikan negara islam setanding dengan negara barat
- Memastikan negara islam tidak ketinggalan dengan arus permodenan
- *Mana-mana jawapan yang munasabah*

CADANGAN JAWAPAN 4(c)

- Menyediakan kemudahan pembelajaran yang lengkap
- Menggunakan teknologi semasa dalam pembelajaran
- Memberi latihan dan kursus kepada tenaga pengajar
- Memberi bantuan kewangan kepada institusi-institusi pendidikan agama
- Menghantar pelajar cemerlang melanjutkan pelajaran ke universiti di Timur Tengah
- *Mana-mana jawapan yang munasabah*

c) Sebagai pemimpin negara Malaysia, bagaimanakah anda dapat mengukuhkan hubungan luar Malaysia dengan negara lain?

[8 markah]

CADANGAN JAWAPAN 1(c)

- Mengadakan hubungan diplomatik dengan negara maju. Contohnya Amerika Syarikat
- Menandatangani perjanjian ekonomi dengan negara maju. Contohnya Jepun
- Membantu negara yang ditimpa musibah. Contohnya gempa bumi di Indonesia
- Meletakkan perwakilan di setiap negara luar
- Menghantar pasukan pengaman di negara bergolak. Contohnya Pasukan Pemerhati ATM ke Lubnan
- Mengadakan perjanjian persefahaman. Contohnya perjanjian ekonomi dengan China
- Mengadakan kerjasama pertukaran kemahiran teknologi dengan negara lain. Contohnya pertukaran teknologi automobile dengan Jerman
- Memberi peluang pendidikan kepada pelajar Islam dari negara Islam melanjutkan pelajaran ke UIA
- Menjalin hubungan baik dengan negara jiran. Contohnya Indonesia dan Singapura
- *Mana-mana jawapan yang munasabah*



Soalan 2

Gambar 2 di bawah menunjukkan persidangan kemuncak negara-negara anggota Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN) ke 35 di Thailand.



Gambar 2

a) Terangkan peranan dan sumbangan Malaysia dalam ASEAN.

[4 markah]

b) Dasar luar Malaysia sentiasa berubah mengikut keadaan politik, ekonomi dan sosial antarabangsa sejak tahun 1970-an. Pada pengetahuan sejarah anda, apakah cabaran yang perlu dihadapi oleh Malaysia untuk mengukuhkan dasar luarnya.

[8 markah]

CADANGAN JAWAPAN 2(a)

- Zon Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN)
- Penyelesaian konflik serantau
- Malaysia menyeru kuasa besar tidak campur tangan dalam isu di Vietnam
- Penyelesaian isu kemboja melalui pilihanraya pada tahun 1993.
- Malaysia menghantar pasukan pengaman di bawah PBB (Misi Unitac)
- Kerjasama ekonomi
- Pengeluaran baja urea di Indonesia (1984) dan Malaysia (1986)
- Pengeluaran baja fosfat dan kuprum di Filipina serta penghasilan serbuk soda di Thailand.
- Dan lain-lain jawapan yang sesuai

CADANGAN JAWAPAN 2(b)

- **Cabaran politik antarabangsa**
 - Mengamalkan dasar berkecuali
 - Menjalin hubungan antarabangsa tanpa mengira ideologi
- **Cabaran politik serantau**
 - Peluasan pengaruh komunis di Indochina
 - Kebanjiran pendatang asing Vietnam di Asia Tenggara
- **Cabaran Keselamatan dan Pertahanan**
 - Anglo- Malaysian Defence Agreement (AMDA) antara Malaysia dengan Britain tamat pada tahun 1971.
 - Malaysia menandatangani perjanjian pertahanan baru yang melibatkan Malaysia, Singapura, Britain, New Zealand dan Australia.
 - Malaysia akan memperoleh bantuan teknial dan latihan.
- **Cabaran pembangunan ekonomi**
 - Dominasi negara maju bagi menentukan harga komoditi bijih timah, getah, minyak dan gas.
 - Malaysia menjadi anggota Majlis Timah Antarabangsa (ITC) dan Perjanjian Umum Tarif dan Perdagangan (GATT)
- *Mana-mana jawapan yang munasabah*

- c) Sekiranya anda dilantik menjadi pemimpin negara, apakah langkah anda untuk mengukuhkan kestabilan politik di rantau Asia Tenggara?

[8 markah]

Teknik jawapan HOLISTIK (KBAT)

Contoh soalan;

Konflik serantau memberi kesan kepada banyak negara.
Huraikan kesan kepada negara, jika konflik serantau tidak di atasi dengan baik.
[8 markah]

Cadangan jawapan;

- Menimbulkan ancaman keselamatan dan kedaulatan negara
- Menyebabkan ekonomi negara tidak stabil dan tergugat

Rangka jawapan;

BIL.	PERKARA	PERINCIAN
1	Isi / Fakta	Menimbulkan ancaman keselamatan dan kedaulatan negara
2	Huraian	Menyebabkan rakyat berasa tidak selamat
3	Huraian Lanjutan	Anasir pengganas masuk ke negara kita
4	Contoh	Serangan di Lahad Datu, Sabah
5	Inferens	Menjadikan negara huru-hara

Contoh jawapan;

Jika konflik serantau tidak di atasi dengan baik ia akan menimbulkan ancaman keselamatan dan kedaulatan negara. Keadaan ini menyebabkan rakyat berasa tidak selamat kerana anasir pengganas masuk ke negara kita. Contohnya serangan di Lahad Datu, Sabah telah menjadikan negara kita huru-hara.

CADANGAN JAWAPAN 2(c)

- Mengadakan perjanjian persefahaman antara dua negara.
- Mengadakan kerjasama pertahanan untuk menjaga keselamatan sempadan negara masing-masing
- Mengadakan perbincangan isu pendatang tanpa izin dan masalah pelarian
- Memberi bantuan kepada negara yang ditimpa bencana alam
- Meletakkan seorang perwakilan atau duta di semua negara Asia Tenggara
- Mengadakan lawatan diplomatik membincangkan isu semasa
- Memastikan tiada unsur luar yang boleh menggugat hubungan dua hala
- Menggalakkan rakyat Malaysia melancong dan mengenali budaya negara Asia Tenggara yang lain
- *Mana-mana jawapan yang munasabah*

Soalan 3

Gambar 3 di bawah merujuk logo penganjuran Malaysia sebagai tuan rumah Sukan Komanwel pada tahun 1998.



a) Apakah matlamat penubuhan pertubuhan Komanwel?

[4 markah]

CADANGAN JAWAPAN 3(a)

- Membina semangat setia kawan negara anggota
- Mewujudkan kerjasama dalam pelbagai bidang
- Memperjuangkan hak asasi manusia
- Mewujudkan kerjasama ekonomi
- Meningkatkan pembangunan sosial
- Membangkitkan pelbagai isu dunia

b) Jelaskan penyertaan dan sumbangan Malaysia dalam pertubuhan Komanwel.

[8 markah]

CADANGAN JAWAPAN 3(b)


- Rancangan Colombo
- Menangani kemiskinan dalam kalangan negara anggota
- Mendapat khidmat nasihat berkaitan dengan pendidikan, pertanian, teknikal dan kesihatan
- Kerjasama pertahanan
- Menyediakan kemudahan kepada tentera British dan pasukan Simpanan Strategik Komanwel
- Kerjasama ekonomi
- Komoditi negara dieksport ke negara Komanwel dengan lebih mudah
- Kadar cukai lebih rendah
- Penentangan Dasar Apartied
- Mesyuarat Ketua-Ketua Negara Komanwel (CHOGM)
- Menganjurkan Sukan Komawel

c) Sebagai pemimpin masa hadapan, apakah cadangan anda untuk menjadikan pertubuhan Komanwel lebih berkesan kepada peringkat global?

[8 markah]

CADANGAN JAWAPAN 3(c)

- Mengadakan hubungan baik dengan negara maju
- Contohnya Amerika Syarikat
- Mengadakan kerjasama ekonomi erat dengan semua negara Komanwel
- Membantu negara-negara membangun seperti India
- Meningkatkan tahap keselamatan dalam kalangan negara Komanwel
- Menyelesaikan masalah pelarian dalam negara Komanwel
- Menyelesaikan masalah penindasan etnik dalam kalangan negara Komanwel seperti penindasan Rohingya di Myanmar.
- Mewujudkan kerjasama pertahanan dalam kalangan negara Komanwel.
- Pemimpin negara Komanwel bersidang membincangkan masalah dalam pertubuhan
- Pertukaran teknologi dalam kalangan negara Komanwel
- Mewujudkan Bank Komanwel untuk membantu negara-negara Komanwel yang menghadapi masalah kemelesetan
- Mewujudkan institusi pendidikan tinggi dalam kalangan negara Komanwel
- *Mana-mana jawapan yang munasabah*



c) Negara-negara Islam pada masa kini berusaha untuk bersaing setanding dengan negara-negara Barat dalam pelbagai bidang. Berikan cadangan anda untuk meningkatkan kemajuan dalam kalangan negara-negara Islam.

[8 markah]

CADANGAN JAWAPAN 4 (c)

- Mengadakan hubungan diplomatik dengan negara maju seperti Jepun
- Negara Islam yang kaya membantu negara Islam yang membangun
- Meningkatkan eksport barangan produk Muslim ke seluruh dunia
- Meningkatkan industri pelancongan dalam kalangan negara Islam
- Melahirkan pakar-pakar dalam kalangan umat Islam seperti pakar perubatan
- Meningkatkan kualiti pendidikan negara-negara Islam
- Mewujudkan kerjasama politik dalam kalangan negara Islam
- Menggunakan teknologi canggih untuk meningkatkan pembangunan negara Islam
- Menggunakan hukum Islam dalam pemerintahan
- Menggalakkan rakyat di negara Islam berusaha gigih meneroka dunia luar
- *Mana-mana jawapan yang munasabah*





Bahagian A [Soalan Objektif]

1. Maklumat berikut berkaitan dengan isu pertindihan sempadan yang melibatkan Malaysia.

Isu
<ul style="list-style-type: none"> • Pulau Sipadan • Pulau Batu Putih

Bagaimanakah saluran penyelesaian yang digunakan oleh negara Malaysia?

- A. Operasi Ketenteraan
B. Mahkamah Antarabangsa
C. Pertubuhan ASEAN
D. Rundingan pemimpin
2. Gerakan antiminyak kelapa sawit telah dilancarkan oleh negara-negara maju. Mengapakah gerakan tersebut dilancarkan?
- A. Minyak sawit bermutu tinggi
B. Keluasan ladang kelapa sawit negara
C. Minyak sawit menjejaskan minyak soya
D. Minyak soya bermutu tinggi
3. Pemerdagangan orang merupakan ancaman kepada negara kita. Apakah faktor yang menyebabkan Malaysia menjadi tarikan warga asing?
- A. Kesuburan tanah
B. Penguatkuasaan undang-undang lemah
C. Kemakmuran ekonomi
D. Kemajuan teknologi

4. Mengapakah isu pemerdagangan orang di pandang serius oleh Malaysia?
- A. Ancaman terhadap hak asasi manusia
B. Arahan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
C. Meningkatkan ekonomi negara
D. Melibatkan rakyat Malaysia
5. Penyakit berjangkit merupakan fenomena yang wujud di seluruh dunia. Bagaimanakah Malaysia mengatasi masalah tersebut?
- I. Suntikan vaksin
II. Rawatan yang berterusan
III. Mengasingkan pesakit
IV. Menjalankan pemeriksaan
- A. I dan III
B. II dan IV
C. III dan IV
D. I dan IV
6. Maklumat berikut merujuk kepada hubungan ekonomi Malaysia dan antarabangsa.

Perjanjian Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) menjadikan ASEAN tempat produksi yang kompetitif bagi keluaran negara ASEAN

- Jelaskan peranan AFTA?
- A. Memasarkan barangan negara ASEAN
B. Mengurangkan tarif dan cukai barangan
C. Mengutamakan pembelian barangan ASEAN
D. Memperdagangkan barang dari ASEAN
7. Apakah manfaat Malaysia menyertai Kerjasama ekonomi Pembangunan Tiga Segi Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT) Growth Triangle.
- A. Mengurangkan monopoli barangan negara maju
B. Meluaskan pasaran barangan Malaysia
C. Meningkatkan pendapatan Malaysia
D. Menambahkan pelaburan ke Malaysia
8. Bagaimana Malaysia mengatasi kemelesetan ekonomi pada tahun 1997-1998?
- A. Menambat kadar pertukaran ringgit
B. Mematuhi arahan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF)
C. Meminjam daripada Bank Dunia
D. Menghadkan import dan eksport negara

9. Maklumat berikut berkaitan dengan isu kemanusiaan yang sedang melanda dunia.
- Isu Syria
 - Isu Palestin
- Apakah faktor yang mencetuskan krisis tersebut?
- A. Sokongan
B. Peperangan
C. Kelemahan pemimpin
D. Amalan rasuah
10. Mengapakan kerajaan dan rakyat Malaysia menghulurkan bantuan kepada negara Syria?
- A. Hubungan sesama umat Islam
B. Menamatkan peperangan
C. Mengurangkan kesengsaraan
D. Hak asasi manusia
11. Antara berikut yang manakah sumbangan Angkatan Belia Islam (ABIM)?
- I. Menyediakan kemudahan asas
II. Memberikan bantuan kemanusiaan
III. Mendirikan rumah perlindungan
IV. Menyediakan Pendidikan percuma
- A. I dan II
B. I dan IV
C. II dan III
D. II dan IV
12. Deklarasi Langkawi dilaksanakan sebagai usaha menangani isu kesan rumah hijau. Apakah tujuan deklarasi tersebut disyiharkan?
- A. Memelihara alam sekitar
B. Menjaga kebersihan Langkawi
C. Memajukan kemakmuran ekonomi
D. Menjaga kawasan Pulau Langkawi
13. Kerajaan Kedah telah mengisytiharkan Langkawi sebagai *geopark* pada tahun 2006. Apakah tujuan pengisytiharan tersebut?
- A. Menggalakkan pelancongan Langkawi
B. Memelihara tapak warisan sejarah
C. Mengisytiharkan Tapak Warisan Dunia
D. Menjamin kelestarian
14. Apakah isu yang dibincangkan dalam Sidang Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro.
- A. Perubahan iklim dunia
B. Perlumbaan senjata nuklear
C. Pemuliharaan alam sekitar
D. Persefahaman mengatasi kemiskinan
15. Antara berikut yang manakah menunjukkan Agenda 21 dalam Sidang Kemuncak Bumi anjuran Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu?
- I. Mengatasi kebuluran
II. Memelihara ekosistem
III. Menggalakkan penggunaan tenaga solar
IV. Mengurangkan pembebasan gas rumah hijau
- A. I dan II
B. I dan IV
C. II dan III
D. III dan IV
16. Mengapakah Malaysia lantang membangkitkan isu penerokaan Antartika?
- A. Monopoli negara maju
B. Menjaga keamanan dunia
C. Pencairan ais di kutub
D. Pemeliharaan alam sekitar
17. Apakah tujuan penubuhan komuniti ASEAN pada tahun 2015?
- A. Meluaskan pasaran
B. Meningkatkan pertumbuhan ekonomi
C. Mengamalkan dasar berkecuali
D. Mewujudkan pakatan ketenteraan
18. Maklumat berikut berkenaan dengan isu keselamatan makanan berdasarkan takrif United Nations' Committee (UNC). Apakah takrifan tersebut?
- I. Akses kepada sumber makanan
II. Makanan yang berkhasiat
III. Kenaikan harga bahan mentah
IV. Pemberian makanan percuma
- A. I dan II
B. I dan IV
C. II dan III
D. III dan IV
19. Isu pencemaran alam sekitar seperti Pencemaran Jerebu Merentas Sempadan telah menjejaskan kualiti alam sekitar Malaysia. Apakah punca pencemaran tersebut?
- A. Pembebasan gas rumah hijau
B. Pembakaran terbuka
C. Pencemaran sungai
D. Penipisan lapisan ozon
20. Apakah langkah Malaysia serta negara Asia Tenggara dalam mengatasi isu jerebu?
- A. Membuat penanaman semula hutan
B. Perjanjian ASEAN Merentas Sempadan
C. Prinsip ASEAN Tanpa Jerebu 2019
D. Menghentikan pembakaran terbuka

Bahagian B [Soalan Struktur]

Soalan 1

Persaingan produk minyak sawit dengan keluaran minyak lain khususnya minyak kacang soya telah bermula sejak pertengahan tahun 1980-an. Selain harga yang lebih murah, penggunaannya dalam masakan lebih sihat berbanding dengan minyak soya.

a) Nyatakan **satu** pihak yang melancarkan gerakan antiminyak sawit di negara Barat.

_____ [1 markah]

b) Mengapakah negara maju melancarkan kempen anti minyak sawit?

_____ [1 markah]

c) Pada pendapat anda, apakah tindakan anda bagi memastikan minyak sawit terus berjaya dalam pasaran antarabangsa?

_____ [4 markah]

d) Malaysia mampu menjadi sebuah negara pertanian yang maju di peringkat global. Buktikan.

_____ [4 markah]

CADANGAN JAWAPAN 1(a)

- American Soybean Association (ASA)
- NGO Pecinta Alam di Eropah

CADANGAN JAWAPAN 1(b)

- Menjadi ancaman kepada pengeluaran minyak kacang soya dan minyak sayuran
- Penanaman pokok kelapa sawit dituduh menyebabkan kemusnahan hutan, fauna dan flora
- *Mana-mana jawapan yang ada dalam buku teks*

CADANGAN JAWAPAN 1(c)

- Melalui pertubuhan Roundtable on Sustainable Palm Oil (RSPO)
- Kempen secara berterusan
- Mendapatkan skim pensijilan Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) sejak tahun 2019.
- Menghasilkan pengeluaran minyak sawit secara mampan
- Pelaksanaan amalan baik seperti Good Agricultural Practices-GAP (Amalan Pertanian Baik)
- Dengan bantuan teknologi, Malaysia berjaya menolak dakwaan Persatuan Minyak Soya berkenaan. .
- Minyak kelapa sawit tidak mendatangkan kemudaratan kepada jantung berbanding minyak soya
- *Mana-mana jawapan yang munasabah*

CADANGAN JAWAPAN 1(d)

- Industri tani menjana pendapatan penduduk setempat
- Mempunyai kawasan tanah subur yang sesuai
- Cuaca yang konsisten serta akses pengairan yang baik
- Terpelihara dari virus-virus yang boleh membahayakan
- Pengeluaran produk pertanian sepanjang tahun
- Membuka ruang kajian saintifik secara mendalam
- Kajian yang lebih mendalam terhadap bidang pertanian
- *Mana-mana jawapan yang munasabah*

Soalan 2

Malaysia menghadapi pelbagai isu dan cabaran pada peringkat serantau dan antarabangsa.

a) Senaraikan **dua** isu global yang dihadapi oleh Malaysia.

- (i) _____
- (ii) _____

[2 markah]

b) Pada pendapat anda, apakah langkah yang perlu diambil bagi mencegah penyalahgunaan dadah dalam kalangan masyarakat?

[4 markah]

c) Jelaskan cabaran yang dihadapi oleh generasi muda untuk menjadi insan berakhlak mulia.

[4 markah]

CADANGAN JAWAPAN 2(a)

- Penyalahgunaan dadah
- Pertindihan sempadan
- Penyakit berjangkit
- Kempen antiminyak sawit
- Pemerdagangan orang

CADANGAN JAWAPAN 2(b)

- Hukuman mati wajar diteruskan bagi kesalahan dadah
- Kesedaran mengenai bahaya dadah perlu diperkuatkan dan disebar luaskan sejak di peringkat sekolah rendah
- Kawalan sempadan yang perlu lebih ketat bagi menghalang kemasukan dadah
- Kerjasama daripada INTERPOL dalam usaha memerangi dadah
- Bekerjasama dengan negara lain bagi menggubal strategi operasi menangani masalah dadah.
- *Mana-mana jawapan yang munasabah*

CADANGAN JAWAPAN 2(c)

- Ramai remaja terlibat dengan pelbagai gejala yang tidak sihat
- Remaja gemar berseronok tanpa batas.
- Keruntuhan institusi kekeluargaan
- Kurang mendapat perhatian dan kasih sayang
- Terjebak dalam pergaulan bebas, membuang bayi ndan membunuh.
- Tidak meletakkan Tuhan di peringkat tinggi
- *Mana-mana jawapan yang munasabah*

Soalan 3

Dalam persekitaran globalisasi, pergerakan trafik maritim dalam kalangan negara-negara benua Asia telah meningkat dengan mendadak sejak kebelakangan ini. Jumlah dagangan Intra-Asia sahaja telah mengatasi dagangan di antara Asia dengan negara-negara Barat dalam dekad lalu. Pelabuhan-pelabuhan Asia memproses hampir 50% dari jumlah kontainer dunia di mana 25% dari jumlah ini membabitkan China 7%.

Maklumat di atas berkaitan dengan perkembangan perdagangan maritim di Asia.

a) Apakah **dua** kebaikan yang dinikmati daripada perdagangan tersebut?

- (i) _____
 (ii) _____
 [2 markah]

b) Jelaskan faktor-faktor penggalak globalisasi yang telah menyumbangkan perkembangan perdagangan negara.

 [4 markah]

c) Huraikan bagaimana Malaysia sebagai sebuah negara membangun turut menghadapi pelbagai halangan dalam meningkatkan kepesatan ekonomi negara?

 [4 markah]

CADANGAN JAWAPAN 3(a)

- Memperoleh barang yang tidak dikeluarkan di dalam negara
- Menggalakkan pemindahan dan penggunaan teknologi
- Menambahpendapatan negara
- Menikmati barang dengan harga yang murah

CADANGAN JAWAPAN 3(b)

- Perkembangan teknologi
- Penggunaan internet
- Infrastruktur pengangkutan yang baik
- Sistem pengangkutan yang baik
- Perkembangan sektor pelancongan
- Sektor pelancongan semakin berdaya saing
- *Mana-mana jawapan yang munasabah*

CADANGAN JAWAPAN 3(c)

- Harga komoditi dan sumber tenaga tidak stabil
- Peraturan perdagangan yang tidak adil
- Harga produk ditentukan oleh negara pembeli
- Syarat perdagangan dan cukai yang tinggi.
- Pinjaman dana/ modal yang ketat
- Kaedah pembayaran balik yang ketat
- Produk negara disabotaj.
- Persaingan dalam kalangan negara serantau.
- Penurunan cukai eksport minyak sawit oleh Indonesia telah menyebabkan sebilangan
- *Mana-mana jawapan yang munasabah*

Soalan 4

Isu Palestin dan Syria menjadi paksi kepada segala isu ketidakpuasan majoriti masyarakat dunia terhadap Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB). Malaysia menegaskan bahawa menyelesaikan masalah rakyat Palestin dan Syria menjadi kunci kepada isu keganasan masa kini.

- a) Namakan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang terlibat dalam misi kemanusiaan peringkat antarabangsa.

[2 markah]

- b) Buktikan sokongan padu rakyat Malaysia kepada rakyat Palestin.

[4 markah]

- c) Pada pendapat anda, huraikan usaha yang dapat dilakukan bagi mewujudkan keamanan sejagat.

[4 markah]

CADANGAN JAWAPAN 4(a)

- Aman Palestin
- Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM)
- Cinta Gaza Malaysiat
- Organisasi Humanitarian Care Malaysia (MyCare)
- Cinta Syria Malaysia (CSM)
- Global Peace Mission (GPM)

CADANGAN JAWAPAN 4(b)

- Melakukan demonstrasi sebagai tanda sokongan kepada perjuangan rakyat Palestin.
- Penubuhan Tabung Palestin untuk mengutip sumbangan
- Menghantar makanan dan perubatan ke Palestin
- Menerusi program Freedom Flotila
- Iaitu program kemanusiaan yang digerakkan oleh Free Gaza Movement yang ahlinya datang dari seluruh dunia
- Menyertai misi kemanusiaan
- *Mana-mana jawapan yang sesuai*

CADANGAN JAWAPAN 4(c)

- Menyelesaikan masalah dengan rundingan
- PBB perlulah memainkan peranan dengan lebih proaktif
- Peranan PBB perlu diperkasa bagi menjamin kestabilan politik dunia dan hak asasi manusia terbela.
- Amalan dasar berbaik-baik antara negara dikukuhkan.
- Sebarang bentuk keganasan perlu ditolak oleh semua negara.
- Negara-negara di dunia juga perlu berpegang kepada nilai sejagat.
- Mengamalkan prinsip keadilan terhadap semua negara.
- *Mana-mana jawapan yang sesuai*

Bahagian C [Soalan Esei]

Soalan 1

Maklumat berikut berkenaan dadah.

Dadah kini sudah menjadi masalah global dan beberapa badan telah ditubuhkan untuk menangani masalah dadah termasuklah badan yang diselia di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) seperti United Nation on Drug and Crime (UNODC), The Commission on Narcotic Drugs (CND) serta World Health Organization (WHO)

a) Nyatakan kesan dadah terhadap kerajaan dan ekonomi negara.

[6 markah]

b) Jelaskan kesungguhan Malaysia menangani isu penyalahgunaan dadah di peringkat global.

[6 markah]

c) Sebagai seorang pelajar, apakah peranan anda dalam menjayakan usaha kerajaan dalam menghadapi cabaran globalisasi?

[8 markah]

CADANGAN JAWAPAN 1(a)

- Imej negara merosot
- Peningkatan kes-kes jenayah
- Kos perbelanjaan meningkat kerana pembinaan pusat pemulihan
- Tenaga buruh berkurangan
- KDNK negara merosot
- Menyebabkan pendapatan negara menurun
- Eksport negara akan merosot
- Pelaburan asing terjejas
- *Mana-mana jawapan yang munasabah*

CADANGAN JAWAPAN 1(b)

- Hukuman yang berat
- Menyertai forum International Drug Enforcement Conference (IDEC)
- Ditubuhkan oleh Amerika Syarikat pada 1983
- Bekerjasama dengan International Criminal Pol
- Bekerjasama dengan negara lain.
- Menggubal strategi operasi menangani masalah dadah
- Tun Dr. Mahathir Mohamad dipilih sebagai Ketua Jawatankuasa Antidadah Antarabangsa
- Menyuarakan isu dadah di forum PBB pada tahun 1988

CADANGAN JAWAPAN 1(c)

- Meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran ICT
- Menguasai kemahiran ICT
- Menyediakan diri ke arah pendidikan global
- Menjadi pelajar positif
- Berani mencuba
- Berpegang kepada konsep pembelajaran sepanjang hayat
- Bersikap kreatif dan inovatif
- Menggunakan pembelajaran abad ke-21
- *Mana-mana jawapan yang munasabah*

Soalan 2

Gambar 1 di bawah menunjukkan isu alam sekitar yang dihadapi oleh Malaysia pada abad ke-21.



Gambar 1

a) Apakah langkah yang diambil untuk mengatasi isu di atas?

[4 markah]

b) Berdasarkan pengetahuan anda, mengapakah kehidupan manusia tidak boleh dipisahkan dengan alam semula jadi?

[8 markah]

c) Terangkan usaha negara dalam mengekalkan kelestarian global bersama-sama dengan pertubuhan antarabangsa?

[8 markah]

CADANGAN JAWAPAN 2(a)

- Menandatangani perjanjian ASEAN berkaitan Pencemaran Jerebu Merentas Sempadan
- Negara anggota yang terlibat disarankan untuk mengambil langkah dari aspek undang-undang
- Memastikan krisis jerebu tidak akan berlaku lagi
- Menekankan prinsip "ASEAN Tanpa Jerebu"
- Malaysia dan Singapura bekerjasama melaksanakan penyelidikan dan pembangunan
- Bidang pencegahan kebakaran di tanah gambut

CADANGAN JAWAPAN 2(b)

- Memerlukan air sama ada daripada semulajadi
- Seperti hujan mahupun air yang telah diproses
- Mendapatkan makanan daripada aktiviti pertanian
- Sejarah sosial dipengaruhi oleh persekitaran
- Hidup di pesisiran pantai, tasik, dan sungai
- Pekerjaan mereka dipengaruhi oleh alam sekitar
- Contoh menjadi nelayan
- Di kawasan bandar, aktiviti berkaitan dengan persekitaran bandar
- *Mana-mana jawapan yang munasabah*

CADANGAN JAWAPAN 2(c)

- Pengisytiharan Deklarasi Langkawi bukti jelas komitmen Malaysia memelihara alam sekitar.
- Usaha menangani isu alam sekitar
- Seperti kesan rumah hijau, kerosakan dan penipisan ozon serta pencemaran
- Menyertai Sidang Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro, Brazil pada 1992.
- Mengeluarkan deklarasi Agenda 21
- Malaysia terlibat dalam Protokol Kyoto 1997
- Persidangan alam sekitar di Bali
- Satu persefahaman negara maju mengurangkan pembebasan gas rumah hijau
- Dan menggalakkan penggunaan tenaga baharu seperti tenaga solar
- *Mana-mana jawapan yang munasabah*

Soalan 3

Gambar 3 di bawah menunjukkan kepentingan Antartika sebagai warisan sejagat.



Gambar 3

a) Bagaimanakah tindakan Malaysia membangkitkan isu Antartika di peringkat global?

[4 markah]

b) Jelaskan sumbangan penyelidikan Malaysia terhadap Antartika.

[8 markah]

c) "Antartika perlu dipertahankan sebagai warisan manusia sejagat". Ulas pernyataan ini.

[8 markah]

CADANGAN JAWAPAN 3(a)

- Penerokaan terhadap benua ais secara tidak adil
- Didominasi oleh hanya sebahagian kecil negara.
- Menyuarakan pandangan dalam Sidang Kemuncak NAM ketujuh di New Delhi, India.
- Mendesak PBB mengambil langkah pertama menjadikan Antartika sebagai manusia sejagat.
- Mencadangkan PBB mentadbir Antartika dan hasil di benua tersebut dapat dikongsi bersama-sama

CADANGAN JAWAPAN 3(b)

- Membentuk pasukan penyelidik ke Antartika
- Dr Haji Omar Abdul Rahman melawat Antartika pada tahun 1985
- Malaysia secara giat melakukan penyelidikan di Antartika sejak tahun 1999
- Terutama dalam bidang perubahan iklim dan kajian gas rumah hijau
- Mewujudkan Pusat Penyelidikan Antartika Kebangsaan
- Ditempatkan di Universiti Malaya diterajui oleh Dr. Azizan Abu Samah
- Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan (YPASM) di Kuala Lumpur
- Turut terlibat melakukan penyelidikan saintifik di Antartika.

CADANGAN JAWAPAN 3(c)

- Antartika merupakan benua paling sejuk
- 90% daripada air tawar dunia dalam bentuk air batu dan salji
- Mengandungi potensi bekalan bahan makanan dan bahan mentah galian
- Seperti besi, arang, uranium, plumbum, nikel dan tembaga
- Terdapat haiwan dan tumbuhan yang jarang dijumpai
- Kedudukannya yang dikelilingi oleh empat buah lautan.
- Memiliki seluruh zon waktu yang ada di bumi
- Kajian terhadap pencairan ais di Antartika
- Menyebabkan kesan meningkatnya paras air laut
- *Mana-mana jawapan yang munasabah*

SKEMA JAWAPAN OBJEKTIF

BAB 1			
1	A	6	B
2	B	7	A
3	B	8	B
4	C	9	A
5	A	10	B

BAB 2			
1	C	6	B
2	C	7	A
3	D	8	D
4	A	9	B
5	C	10	B

BAB 3			
1	B	6	B
2	D	7	B
3	D	8	C
4	B	9	A
5	A	10	A

BAB 4			
1	D	11	B
2	B	12	A
3	A	13	B
4	D	14	B
5	B	15	B
6	C	16	B
7	C	17	D
8	A	18	D
9	D	19	D
10	B	20	B

BAB 5			
1	C	8	C
2	D	9	C
3	B	10	B
4	A	11	A
5	D	12	B
6	B	13	A
7	D	14	C

BAB 6			
1	C	6	B
2	C	7	D
3	C	8	A
4	C	9	C
5	B	10	B

BAB 7			
1	A	8	A
2	B	9	A
3	D	10	A
4	B	11	A
5	D	12	C
6	D	13	A
7	B		

BAB 8			
1	D	11	A
2	A	12	D
3	B	13	A
4	D	14	A
5	D	15	C
6	B	16	C
7	B	17	A
8	D	18	B
9	A	19	B
10	C	20	A

BAB 10			
1	B	11	C
2	C	12	A
3	C	13	D
4	A	14	C
5	B	15	A
6	B	16	D
7	A	17	B
8	A	18	A
9	B	19	B
10	C	20	D

BAB 9			
1	C	18	B
2	B	19	B
3	D	20	A
4	A	21	B
5	B	22	D
6	A	23	A
7	C	24	A
8	C	25	D
9	A	26	C
10	C	27	D
11	B	28	A
12	D	29	C
13	A	30	B
14	B	31	D
15	B	32	A
16	A	33	B
17	B	34	B

PERATURAN PEMARKAHAN RUBRIK

SOALAN	PERINCIAN	MARKAH
	<p style="text-align: center;">Aras 4</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Pengetahuan dan pemahaman yang sangat jelas ▪ Bukti/ccontoh sangat sesuai ▪ Membuat inferens yang tepat ▪ Jawapan yang sangat mendalam/terperinci ▪ Komunikasi / pengolahan sangat menarik ▪ Menunjukkan kematangan 	7 – 8
	<p style="text-align: center;">Aras 3</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas ▪ Bukti/ccontoh sangat sesuai ▪ Membuat inferens ▪ Jawapan mendalam ▪ Komunikasi/pengolahan menarik 	5 – 6
	<p style="text-align: center;">Aras 2</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Pengetahuan dan pemahaman jelas ▪ Jawapan kurang mendalam ▪ Menyatakan hujah secara ringkas 	3 – 4
	<p style="text-align: center;">Aras 1</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Pengetahuan dan pemahaman terhad ▪ Jawapan secara umum 	1 – 2

CADANGAN PENULISAN JAWAPAN HOLISTIK (KBAT)

Contoh

Sebagai rakyat Malaysia, apakah peranan kita dalam memastikan generasi akan datang terus mempertahankan kedaulatan negara?

BIL.	PERKARA	PERINCIAN
1	Isi / Fakta	Peranan kita dalam memastikan generasi akan datang terus mempertahankan kedaulatan negara ialah dengan menerapkan semangat patriotisme
2	Huraian	Melalui penerapan semangat patriotisme ini generasi akan datang mampu bertahan menghadapi musuh-musuh negara.
3	Huraian Lanjutan	Oleh yang demikian, mereka akan sentiasa berwaspada terhadap anasir-anasir luar yang cuba mengganggu gugat kedaulatan negara.
4	Contoh	Sebagai contoh budaya demontrasi, LGBT dan juga pemikiran liberal.
5	Inferens	Kesimpulannya penerapan semangat patriotisme ini membantu generasi akan datang berjiwa kental mempertahankan kedaulatan negara.

CADANGAN JAWAPAN

- Menerapkan semangat patriotisme
- Memajukan negara
- Mematuhi undang-undang
- Melindungi negara daripada ancaman luar
- Sentiasa menyemai taat setia kepada raja dan negara
- Menjadi rakyat yang berilmu pengetahuan
- Memajukan negara
- Memajukan pendidikan
- Mengamalkan hidup bersatu padu

Cadangan jawapan :

Peranan kita dalam memastikan generasi akan datang terus mempertahankan kedaulatan negara ialah dengan menerapkan semangat patriotisme. Melalui penerapan semangat patriotisme ini generasi akan datang mampu bertahan menghadapi musuh-musuh negara. Oleh yang demikian, mereka akan sentiasa berwaspada terhadap anasir-anasir luar yang cuba mengganggu gugat kedaulatan negara. Sebagai contoh budaya demontrasi, LGBT dan juga pemikiran liberal. Kesimpulannya penerapan semangat patriotisme ini membantu generasi akan datang berjiwa kental mempertahankan kedaulatan negara.

PENGHARGAAN

Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan

Ketua Penolong Pengarah Kanan Unit Sains Sosial
Sektor Pembelajaran, Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan

Pengetua SMK King George V, Seremban

Pengetua SMK Taman Forest Height, Seremban

Pengetua SMK Seri Ampangan, Seremban

Pengetua SMK Dato' Klana Putra, Lenggeng

Pengetua Sekolah Dato' Abdul Razak, Seremban

Pengetua SMK Dato' Shahardin, Seremban

Pengetua SMK Mambau, Seremban

Pengetua SMKA Sheikh Haji Mohd Said, Seremban

Pengetua SMAD Klana Petra Maamor, Seremban

Pengetua SMK Dato' Abdul Samad, Tanjong Ipoh

Pengetua SMK Dato' Mohd Taha, Gemencheh

Pengetua SM Teknik Tuanku Jaafar, Seremban

Pengetua SMK Dato' Sheikh Ahmad, Seremban

Pengetua SMK Seremban Jaya 2, Seremban

Pengetua SMK Tunku Ampuan Durah, Seremban

En. Mohmad Taib bin Abdullah
(Tokoh Guru Negeri Sembilan/Mantan Guru Cemerlang Sejarah)

Dan semua yang terlibat secara langsung ataupun secara tidak langsung dalam penghasilan Modul JAGUH
Sejarah Tingkatan 5 bagi tahun 2021.

**Unit Sains Sosial Sektor Pembelajaran
Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan
Jalan Dato' Hamzah
70990 Seremban
Negeri Sembilan Darul Khusus**